

**UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA
MERASMIKAN PENUBUHAN BANK BURUH DI
NIRWANA BALLROOM, HOTEL HILTON,
KUALA LUMPUR PADA 31HB OGOS, 1975**

Saudara P. P. Narayanan, Pengerusi Lembaga Pengarah Bank Buruh, Ahli-ahli Lembaga Pengarah, Dif-dif Terhormat, Saudara-saudara sekalian.

Terlebih dahulu saya suka mengucapkan berbanyak terima kasih kepada saudara-saudara sekalian kerana menjemput saya untuk merasmikan pelancaran Bank Buruh pada petang ini.

Saya tidak lupa juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas kejayaan saudara-saudara menubuhkan Bank ini yang melambangkan kegigihan kaum pekerja dalam usaha hendak membaiki keadaan hidup mereka untuk menjamin masa hadapan yang lebih cemerlang.

Bank Buruh ini agak istimewa sedikit daripada bank-bank lain dalam ertikata ianya dimodali dan dikendalikan sendiri oleh kaum pekerja. Bagi kali pertamanya kita dapati kaum pekerja menjalankan institusi perniagaan yang anggotanya memegang peranan sebagai majikan dan pekerja, yang merupakan eksperimen yang menarik terutama dalam hubungan majikan dan pekerja. Bagaimanapun, oleh kerana Bank ini merupakan hakmilik kaum pekerja sendiri, saya harap mereka akan berkhidmat dengan penuh dedikasi untuk menentukan kejayaannya.

Saudara-saudara sekalian,

Pelancaran Bank ini pada hari ini iaitu hari kemerdekaan negara kita memberi pengertian yang istimewa. Dalam masa lapan belas tahun negara merdeka, kita telah mencapai kemajuan pesat dalam berbagai bidang yang telah memberi taraf hidup yang lebih baik kepada rakyat. Sungguhpun begitu, matlamat untuk mencapai negara yang benar-benar maju masih jauh di hadapan dan adalah menjadi tanggungjawab kita semua rakyat dari berbagai kaum untuk berusaha dengan lebih giat dengan penuh semangat berdikari untuk mencapai matlamat tersebut.

Dari segi hak dan kepentingan kaum pekerja khususnya, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah tertentu untuk menjamin yang kaum pekerja kita mendapat gaji yang berpatutan, kemudahan-kemudahan kebajikan seperti Sekim Keselamatan Sosial dan lain-lain lagi. Dari masa ke masa Kerajaan akan terus mengadakan kemudahan-kemudahan lain untuk kaum pekerja sesuai dengan keadaan dan kemampuan Kerajaan pada sesuatu masa itu.

Dalam hal ini Kerajaan memang mengakui peranan penting Kesatuan-kesatuan Sekerja bagi memelihara dan memperjuangkan hak dan kepentingan kaum pekerja dan Kerajaan sentiasa sedia menimbang tuntutan-tuntutan yang patut dan menasabah kerana memang menjadi hasrat Kerajaan untuk menentukan kaum pekerja mendapat gaji dan lain-lain kemudahan yang sewajarnya untuk mereka hidup dengan sempurna.

Dalam pada itu saya juga berharap pihak Kesatuan Sekerja hendaklah memberi persefahaman dan pandangan yang sempurna kepada Kerajaan mengenai kesulitan yang dihadapinya, terutama pada masa sekarang. Pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja janganlah mudah hendak melancarkan tindakan perusahaan semata-mata dengan tujuan hendak menekan atau mendesak majikan supaya melayani tuntutan mereka. Sebaik-baik jalan ialah kedua-dua pihak mencari penyelesaian dengan cara berunding, memahami masalah masing-masing, dan seberapa boleh cuba bertolak ansur dan mengelakkan sebarang tindakan perusahaan. Hanya dengan demikian sahajalah kita dapat menjamin keadaan dan suasana aman dan stabil yang penting untuk pembangunan ekonomi negara.

Saudara-saudara sekalian,

Beralih kepada soal banking seluruhnya, seperti kita maklum, negara kita masih lagi merasai akibat inflasi dan kemerosotan ekonomi seperti juga negara-negara lain. Kekurangan permintaan dari luar negeri terhadap barang-barang keluaran kita terutama barang-barang mentah telah menyebabkan kurang aktiviti-aktiviti pengeluaran serta juga aktiviti-aktiviti perniagaan di negara kita.

Oleh kerana keadaan ekonomi yang agak buruk ini, firma-firma dan syarikat-syarikat di negara kita menghendaki jumlah wang dan kemudahan kredit yang lebih banyak dari biasa untuk menampung keperluan-keperluan di masa kemerosotan ini. Bank-bank sebagai pengumpul wang yang terbesar di negara kita

mempunyai peranan yang penting untuk menyegerakan pemesanan ekonomi negara kita serta membiayai pengeluaran dengan memberi kredit yang secukupnya. Bank-bank di negara ini tidaklah harus mengambil sikap "wait and see" pada masa sekarang ini tetapi hendaklah menggiatkan lagi aktiviti ekonomi dengan memberi pinjaman yang lebih kepada sektor-sektor pengeluaran dalam ekonomi negara.

Saya berharap Bank Buruh akan menggunakan wang yang ada padanya untuk diberikan sebagai pinjaman kepada perusahaan-perusahaan dan juga orang ramai pada had maksima yang boleh. Ini ialah kerana kadar kecairan atau liquidity bank-bank kita pada waktu ini adalah agak tinggi yang bermakna mereka tidak menggunakan sepenuhnya wang-wang yang ada pada mereka untuk membiayai aktiviti-aktiviti pengeluaran, perusahaan dan perniagaan.

Kerajaan telahpun mengambil langkah untuk menggalakkan pemberian pinjaman oleh bank-bank dengan menurunkan kadar berian pinjaman utama (prime rate) sebanyak tiga kali pada tahun ini. Kali pertama daripada 10% kepada 9% pada 3 haribulan Februari; kali kedua $\frac{1}{2}$ % lagi pada 2 haribulan Mei; dan kali terakhir $\frac{1}{2}$ % lagi pada 9 haribulan Ogos; menjadikan kadar sekarang ini $8\frac{1}{2}$ %. Sebagaimana kita tahu, kadar faedah yang dikenakan oleh bank-bank atas wang pinjaman yang mereka beri adalah berasaskan kepada kadar berian pinjaman utama atau prime rate ini.

Selain dari itu, statutory reserve iaitu jumlah wang yang dikehendaki disimpan oleh bank-bank di Bank Negara juga telah diturunkan sebanyak dua kali tahun ini daripada 10% kepada 7%. Ini bertujuan menambahkan jumlah wang yang ada di tangan bank-bank supaya banyak lagi wang dapat dipinjamkan kepada perusahaan-perusahaan dan juga orang ramai.

Saudara-saudara sekalian,

Dari segi pinjaman kepada orang ramai, sebagaimana kita maklum, pada masa ini masalah besar yang kita hadapi ialah masalah perumahan rakyat, terutama rumah-rumah murah atau low-cost housing, bagi mereka yang berpendapatan rendah. Baru-baru ini saya telah mencadangkan, sebagai satu langkah untuk mengatasi masalah rumah murah ini, Kerajaan memberi tanah

dan mengadakan kemudahan-kemudahan asas (infrastructure facilities) untuk rakyat membina rumah prefabricated. Saya harap bank-bank di negara kita khasnya Bank Buruh, yang saya rasa sememangnya mengadakan kepentingan kaum pekerja, dapat mengadakan satu skim pinjaman dengan syarat-syarat yang mudah untuk memberi pinjaman kepada orang ramai membina ataupun membeli rumah-rumah murah. Saya percaya dengan adanya pinjaman serupa ini dapatlah rakyat menikmati rumah sendiri dan hidup dengan lebih sempurna lagi.

Satu lagi perkara yang harus diberi perhatian oleh bank-bank dan institusi kewangan yang lain ialah mengenai masalah cagaran atau "collateral". Seperti kita maklum, pinjaman bank-bank perdagangan adalah bersandarkan lebih kepada cagaran atau "collateral" yang bermakna bahawa pinjaman-pinjaman itu hanyalah boleh dinikmati oleh golongan-golongan masyarakat yang mampu atau berada sahaja.

Barangkali bank-bank terutama sekali Bank Buruh ini dapat menimbangkan sama ada boleh diadakan satu rancangan pinjaman yang membolehkan mereka-mereka yang hanya mempunyai "intangible assets" seperti pengalaman luas, kecekapan dan kemahiran dalam sesuatu bidang tetapi tidak mempunyai modal secukupnya untuk menjalankan perusahaan sendiri. Golongan ini termasuklah pekerja-pekerja mahir dan professional muda.

Pihak Kerajaan melalui ajensi-ajensinya ada menyediakan rancangan membantu golongan ini tetapi saya fikir ini tidaklah memadai dan bank-bank perdagangan dan institusi kewangan yang lain mestilah menampung kehendak ini. Saya percaya rancangan pinjaman seperti ini sudah tentu dapat memberi kemudahan kepada golongan ini berdikari dan tidak sentiasa terbatas bekerja dengan majikan sahaja.

Saudara-saudara sekalian,

Akhir kata, saya suka sekali lagi mengucapkan tahniah kepada MTUC atas kejayaannya menegakkan Bank ini melambangkan kemajuan kaum buruh bukan sahaja untuk meninggikan keadaan hidup mereka bahkan juga menjalankan peranan penting dalam pembangunan ekonomi negara.

Dengan sukacitanya saya merasmikan penubuhan Bank Buruh ini dan berdoa Bank ini akan mencapai kejayaan sepenuhnya.



Y.A.B. Tun Haji Abdul Razak bin Hussein sewaktu melancarkan Bank Buruh di Nirwana Ballroom, Hotel Hilton, Kuala Lumpur pada 31hb Ogos, 1975